

BULETIN MAJLIS PERBANDARAN KULAI

# REFLEKSI

Perbandaran Cemerlang Sejahtera Semua



*Kembara Mahkota Johor 2017*



*Ekspo Johor Berkemajuan*

# Isi Kandungan

## KEMBARA MAHKOTA JOHOR

//mukasurat. 3

## EKSPLO JOHOR BERKEMAJUAN

- Johor Kuasa Baharu Ekonomi

//mukasurat. 4

- Peluang Rakyat Nilai Kerajaan

//mukasurat. 5

## LENSA KULAI

//mukasurat. 6

## PROGRAM TOWN HALL MPKU BERSAMA KONTRAKTOR G1

//mukasurat. 7

## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 60

//mukasurat. 8

## SIDANG REDAKSI

### PINAUNG

Tuan Haji Farizal Bin Ismail

### PENASIHAT / EDITOR

En. Norizam Bin Muhamad

### KETUA TERBITAN

Sdr M Hakim Wahauddin Abd Manap

### PENGARANG

Sdr M Fahani Hazi

### JURUFOTO

Sdr M Fahani Hazi

Sdr M Yasin Rahim

### KORRESPONDEN

Jabatan Pendaftaran

Jabatan Kejuruteraan & Unit Lanjutan

Jabatan Kewangan

Jabatan Perlesenan & Kesihatan

Unit Koperasi

Unit Teknologi Maklumat

Jabatan Bangunan

Jabatan Perancang Bandar

Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

Unit Audit Dalaman

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

Unit OSC

Kelab Sukan, Kejaksaan & Kebudayaan

*Sidang Redaksi mengalu: alahan sebarang artikel atau berita yang bersesuaian untuk dimuatkan dalam keluaran akan datang.*



## Sekapur Sirih



**Assalamualaikum w.b.t., salam hormat dan Salam Muafakat Johor.**

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah SWT dengan taufik dan inayahNYA jua maka Majlis Perbandaran Kulai telah dapat menyediakan dan seterusnya menyiapkan Sulefin Refleksi bagi tahun 2017.

Sulefin Refleksi juga telah lama beridung malah semakin matang dan mantap menghadapi masa dan semasa dalam mengenengahkan isu-isu yang melibatkan kepentingan masyarakat Perbandaran Kulai. Namun semua ini amat memerlukan kepada kerjasama yang kuat dan kesetiaan yang utuh. Dalam era pembangunan ekonomi Johor yang sedang rancok ini, kita dapat melihat pelbagai perubahan yang berlaku di negeri Johor ini. Perubahan yang drastik ini menjadikan Majlis Perbandaran Kulai perlu lebih matang dalam segala aspek perancangan pengurusan agar segala pelaksanaan adalah seiring dengan pembangunan di negeri Johor ini.

Pembangunan sesebuah kerajaan merupakan usaha yang kini difutuskan di negeri Johor ini dalam kearah Johor Negeri Antarabangsa melalui pelbagai pelaksanaan pembangunan ekonomi yang dirangkaikan. Justeru itu, budaya "3C": CRITICAL THINKING, CREATIVE & INNOVATIVE, COLLABORATIVE, CULTURALLY LITERATE & COMMUNICATION IN EFFECTIVE yang telah dirangkaikan oleh YAS Menteri Besar Johor baru-baru ini perlu dijadikan sebagai satu amalan dalam diri pada setiap individu dan juga organisasi.

Akhir sekali, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Johor mesti jadi Johor. Wabilah taufik wal hidayah wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

**TUAN HAJI FARIZAL BIN ISMAIL**

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai



## Coretan Setiausaha

**Assalamualaikum w.b.t., salam hormat dan Salam Muafakat Johor.**

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah SWT dengan inayah Perbandaran Kulai telah dapat menyediakan Sulefin Refleksi edisi pertama bagi tahun 2017.

Kesungguhan semua jabatan di Majlis Perbandaran Kulai bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang dirancang sepanjang tahun mencerminkan organisasi ini bekerjasama dengan berungguh-sungguh dan ikhlas dalam memberikan perkhidmatan yang optimum bagi mendapatkan hasil yang terbaik untuk Majlis Perbandaran Kulai. Justeru, untuk mendapat Perbandaran yang maju dari segi ekonomi dan sosial kita seharusnya menajuk dan dahulu sikap dan jati diri kita dalam budaya kerja yang penuh dengan cabaran masa kini.

Akhir kata saya menyeru kepada seluruh warga kerja MPKU, bersama-sama menjayakan setiap program dan perancangan yang telah dirangkaikan dengan penuh ketekunan, kejayaan dan integriti serta Ihtisam yang tinggi.

**ENCIK NORRIZAM BIN MUHAMAD**

Setiausaha, Majlis Perbandaran Kulai

Majlis Perbandaran Kulai

Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor, Malaysia

Tel : 607 663 1511, 607 663 2132 | Faks : 607 663 2407

Email : [aduan.mpkul@johor.gov.my](mailto:aduan.mpkul@johor.gov.my) | Laman Web : [mpkulai.gov.my](http://mpkulai.gov.my) | Facebook : Majlis Perbandaran Kulai

# Sambutan HARI KEBANGSAAN DAERAH KULAI meriah

**SAMBUTAN** Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Daerah Kulai yang diadakan di Stadium Mini Taman Puteri Kulai berlangsung meriah dengan dihadiri masyarakat berbilang kaum.

Sejak awal pagi, orang ramai sudah memenuhi stadium mini berkenaan untuk bersama-sama para pemimpin setempat merayakan sambutan yang amat bermakna tersebut.

Acara sambutan dan perarakan sejauh 2.6 kilometer bermula dari bulatan Taman Gemilang dan berakhir di Stadium Mini Taman Puteri itu disertai 84 konjion terdiri pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, sekolah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Lebih meriah, sambutan berkenaan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor, Yang Berhormat (YB) Dato' Tee Siew Kiang yang mewakili Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Pemas, YB Ali Mazal; Pegawai Daerah Kulai, Enik Md. Zainal Misran dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKU), Trick Farrel Ismail.





# **MPKu** **ADAKAN SESI** **TOWN HALL** bersama kontraktor

**BAGI** memberi maklumat lebih mendalam kepada pelanggannya, khususnya kontraktor, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mengadakan sesi Town Hall dengan galangan kontraktor G1, baru-baru ini.

Sesi Town Hall berkenaan dianjurkan di Dewan Serbaguna Taman Putri, Kulai dan dihadiri ramai pihak berkaitan.

Selain berdialog dengan Yang Dipertua MPKu, Enik Farizal Imali, kontraktor yang hadir turut mendengar sesi taklimat dan cabutan pengundian bagi yang berjaya mendapat tender bagi kerja-kerja yang ditawarkan.

Bagi memberi penerangan lanjut tentang kerja-kerja yang ditawarkan, pihak MPKu turut mengadakan sesi taklimat kepada kontraktor yang berjaya.

Enik Farizal berharap, kontraktor yang berjaya ditawarkan dapat melaksanakan kerja mereka yang baik, berkualiti dan menepati tempoh yang ditetapkan.

# Hutan Bandar JADI LOKASI TERAKHIR KMI 2017

**SELEPAS** empat hari menjelajah sejauh 808 kilometer menggunakan kereta roda tiga jenis Morgan ke seluruh pelusuk negeri, Kembara Mahkota Johor 2017 melabuhkan trainya di Hutan Bandar, Bandar Putra, Kulai.

Kelbaan rombongan diketuai Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar disambut oleh lebih 2,000 orang terdiri daripada pemimpin negeri, ketua jabatan kerajaan dan swasta, ketua masyarakat serta rakyat jelata.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Yang Berhormat (YB) Datuk Md. Jais Sarday mewakili Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin berkata, program tahunan itu memberi tiga mesej penting yang harus dihayati dan dibanggakan oleh semua rakyat, iaitu yang pertama, KMI telah menjadi satu identiti besar negeri dan bangsa Johor.

Yang kedua, KMI merupakan satu cara bagaimana agenda pembangunan negeri sentiasa dilakukan secara bersama-sama yang dilakukan hasil syarahan, iham dan saranan Tuanku Sultan Ibrahim.

Selain itu, kembara berkenaan juga menjadi ruang dan peluang penting untuk Tuanku melihat dan mengamati sendiri segala bentuk kemajuan dan pembangunan yang telah dan sedang berlaku di seluruh negeri.





# Johor Kuasa Baharu Ekonomi

**PERDANA** Menteri, Datu Seri Najib Tun Razak menyifatkan negeri Johor bukan sahaja membangun dengan pesat, malah kini menjadi salah satu kuasa baharu ekonomi di negara ini.

Menurut beliau, kerancangan pembangunan yang dialami itu adalah hasil kerjasama dan hubungan erat antara kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar, Datu Mohamed Khalid Nordin dengan kerajaan Persekutuan.

Katanya, kerajaan akan melaksanakan lebih banyak pembangunan untuk Johor kerana negeri ini akan menempuh fasa lebih menakutkan pada masa akan datang. "Saya sudah faham pasal kecepatan kemajuan Johor, malah saya pernah mengungkapkan Johor sebagai kuasa ekonomi baharu Malaysia. Ini satu pengiktirafan jelas yang kadar pertumbuhan, malah nadi pertumbuhan negara datang dari Johor," katanya semasa merasmikan merasmikan Ekapo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, baru-baru ini.

Datu Seri Najib menegaskan, kerajaan tidak berefok, sebaliknya menitikkan segala kemahuan, keperluan, kepentingan dan tuntutan rakyat dari dahulu hingga kini.

"Kerajaan perpinan kita hari ini tidak perlu menjual harapan dan tidak perlu menjual janji. Kita sebenarnya sudah melaksanakan segala keperluan rakyat," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan empat inisiatif untuk melonjakkan lagi pembangunan Johor, iaitu kemudahan Bas Rapid Transit (BRT) di kawasan Iskandar Malaysia, Pelan Induk Kemahiran Johor, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Dasar Telelistar Johor.



# Ekspo Johor

## BERKEMAJUAN PELUANG RAKYAT NILAI

**EKSPO** Johor Berkemajuan yang dianjurkan di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, baru-baru ini memberi peluang kepada rakyat untuk menilai sendiri "kuda lapanan" kerajaan negeri mengenai semua perancangan, sama ada yang telah dan akan dilaksanakan.

Usaha tersebut sekali gus menalok dakwaan tidak berasas diutarakan oleh pihak tertentu, khususnya pembangkang yang sering cuba untuk mengelirukan rakyat.

Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin menegaskan, segala agenda pembangunan dan kemajuan di negeri ini dilaksanakan berdasarkan pelan dan perancangan rapi, termasuk tidak menggodakan alam sekitar.

Menurut beliau, semua pembangunan di Johor dapat dijayakan adalah kerana hasil kerjasama yang erat antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Banyak sokongan, bantuan dan perhatian yang diberikan kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri terutamanya dalam

menjadikan negeri ini sebagai destinasi dan lokasi pilihan bagi pelaksanaan pelbagai projek dan pembangunan berimpak tinggi," katanya pada majlis perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 yang diempunkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak.

Sepanjang ekspo sembilan hari berkenaan, pelbagai program diadakan seperti pameran, aish agensi kerajaan termasuk oleh Majlis Perbandaran Kulai (MPKU), gerai jualan, persembahan hiburan, cabutan nombor bertuah, ceramah agama dan sebagainya.

Nyata ekspo tersebut mendapat sambutan daripada pelbagai pihak dan peringkat umur apabila lebih 30,000 kehadiran berjaya direkodkan.





*KMJ 2017*

KEMBARA 3

*Ekspo Johor Berkemajuan*

# *Lensa* KULAI

*Sambutan Hari Kemerdekaan*

*Town Hall MPKU*

JOGOS 2017, 800 PAGI  
AGUNA TAMAN PUTRI, KULAI